Kerajaan Sabah Komited Lahirkan Ramai Modal Insan Berkualiti
Bernama
Jun 28, 2011

KOTA KINABALU, 28 Julai (Bernama) -- Kerajaan Sabah komited untuk melahirkan lebih ramai modal insan berkualiti, kreatif dan inovatif bagi membantu memacu kemajuan negeri ke tahap lebih tinggi, kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Beliau berkata ini kerana kerajaan menyedari tenaga kerja yang mahir dan berpendidikan tinggi dalam bidang kritikal seperti ahli perakaunan, teknokrat, jurutera dan usahawan amat diperlukan oleh pasaran semasa dan juga bagi memenuhi keperluan masa depan negara.

"Saya percaya pemilihan tempat pengajian turut berkait rapat dengan aspek kebolehpasaran graduan, seperti yang dibuktikan oleh Kolej Yayasan Sabah.

"Justeru, KYS mestilah mengambil kira perubahan semasa dan keperluan masa depan dengan menawarkan kursus dalam melahirkan graduan yang berketrampilan dan kompeten serta dapat menyumbang kepada hasrat menjana modal insan berkualiti bagi menjayakan matlamat Misi Nasional," katanya dalam ucapannya sempena Majlis Konvokesyen KYS kali ke-16 di Yayasan Sabah di sini Khamis.

Teks ucapannya dibacakan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Datuk Masidi Manjun.

Pengerusi KYS Sdn Bhd Datuk Kamal D.E.Quarda berkata KYS akan melancarkan program pengajian ijazah serentak dengan persiapan kampus baru kolej itu menjelang 2013.

Kolej itu, yang diilhamkan oleh Musa selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Sabah, akan dapat menampung 4,000 orang pelajar, katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604569